

Headline	Elektrik, air penghulu segala kenaikan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	02 Mar 2024	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Nasional	Page No	23
ArticleSize	46 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 1,545		



Elektrik, air penghulu segala kenaikan

AHLI Parlimen Ayer Hitam, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong merayu supaya kerajaan mengecualikan kenaikan kadar cukai jualan dan perkhidmatan (SST) daripada enam kepada lapan peratus bagi elektrik dan air.

Katanya, kerajaan sepatutnya mengekalkan kadar SST

bagi elektrik dan air sama seperti sektor makanan dan minuman, tempat letak kereta dan telekomunikasi.

“Kalau orang Islam kata Jumaat itu penghulu segala hari, ini bil air dan elektrik penghulu segala kenaikan. Sudah tiga kali kenaikan,” ujarnya.